

Rujukan : PTPK.PLS.600-1/9 Jilid 2 (27)

Tarikh : 24 November 2016

Salam Kemahiran

**Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus  
Penyedia Latihan**

Tuan,

**MAKLUMAN SYARAT DUA (2) PENJAMIN BAGI JUMLAH PINJAMAN MELEBIH RM24,000 DAN  
URUSAN PENGHANTARAN DOKUMEN PERJANJIAN SKIM PINJAMAN LEPASAN SEKOLAH**

Dengan hormatnya merujuk perkara tersebut di atas.


2. Untuk makluman, sejak kebelakangan ini berlaku percanggahan maklumat berkenaan syarat penjamin. Sedangkan telah dimaklumi bahawa syarat bagi jumlah pinjaman yang melebihi RM24,000 ialah dengan mengemukakan dua (2) orang penjamin.

3. Oleh itu, dengan ini suka diperingatkan akan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK Bil.2/2015 yang bersidang pada 20hb Oktober 2015 berkenaan kelulusan Garis Panduan Pengurusan Pinjaman dan Pembiayaan Latihan Kemahiran telah memutuskan bahawa *Jumlah pinjaman yang melebihi daripada RM 24,000.00 hendaklah mengemukakan dua (2) orang penjamin yang terdiri daripada seorang ibu / bapa / penjaga dan seorang yang bukan ibu / bapa / penjaga. Manakala jumlah pinjaman yang kurang daripada RM 24,000.00 adalah memadai dengan satu (1) orang penjamin yang terdiri daripada ibu / bapa / penjaga.*

4. Sukacita juga dimaklumkan agar dapat tuan untuk mengemukakan dokumen perjanjian sebanyak **empat (4) salinan** yang lengkap kepada pihak Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran untuk proses semakan dilakukan berkuatkuasa mulai **1 Mei 2016**. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Pekerja Berkemahiran Penggerak Ekonomi"**



(DATO' ABDUL HALIM BIN MUHAMAD SALLEH)  
Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran